From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM–MITI TEROKA KERJASAMA STRATEGIK DALAM EKONOMI DAN PEMBANGUNAN BAKAT
Date: Sunday, 20 September, 2026 6:23:12 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

20 SEPTEMBER 2026 / 8 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Dr. Siti Norliza binti Jumali

UUM–MITI TEROKA KERJASAMA STRATEGIK DALAM EKONOMI DAN PEMBANGUNAN BAKAT



UUM ONLINE: Kuala Lumpur, 7 September 2026 – Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan kunjungan hormat ke Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bagi membincangkan peluang kerjasama strategik antara kedua-dua pihak.

Delegasi SEFB diketuai oleh Dekan, Profesor Madya Dr. Rasidah binti Mohd. Rashid, bersama Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa), Dr. Diara binti Md. Jadi dan Pengerusi Program Pascasiswazah Ekonomi, Dr. Siti Norliza binti Jumali.

Delegasi UUM disambut oleh Pengarah Kanan, Khidmat Pengurusan MITI, Puan Nor Kamisah binti Che Daud, bersama beberapa pegawai daripada pelbagai bahagian termasuk sumber manusia, perdagangan, pelaburan dan industri.

Pertemuan tersebut menjadi platform kepada kedua-dua pihak untuk berkongsi keperluan dan kepakaran serta mengenal pasti bentuk kerjasama yang boleh memberi manfaat bersama. MITI membawa pengalaman, data dan perspektif dalam pelaksanaan dasar serta perkembangan ekonomi, manakala UUM menyumbang kepakaran dalam penyelidikan, analisis ekonomi dan pembangunan modal insan.

Perbincangan memberi tumpuan kepada beberapa bidang berkepentingan bersama, khususnya perdagangan, pelaburan dan kelestarian alam sekitar (ESG), termasuk analisis rantaian bekalan, analitik data dan penggunaan teknologi bagi menyokong penyelidikan serta pembuatan keputusan dasar. Kerjasama ini juga dapat membantu UUM memastikan penyelidikan dan program akademiknya terus relevan dengan perkembangan ekonomi serta keperluan sebenar industri.



Hubungan strategik ini turut membuka ruang kepada penyelidikan bersama, perkongsian kepakaran serta penglibatan ahli akademik dan pelajar pascasiswazah dalam kajian berkaitan ekonomi, perdagangan, pelaburan, industri dan kelestarian.

Aspek pembangunan bakat dan peningkatan kompetensi turut menjadi agenda perbincangan. UUM memperkenalkan Program Khas Sarjana Ekonomi sebagai salah satu platform pembangunan profesional yang berpotensi dimanfaatkan oleh pegawai MITI, di samping peluang latihan dan perkongsian kepakaran yang boleh dirangka mengikut keperluan kementerian.

Kunjungan ini diharapkan menjadi titik permulaan kepada hubungan UUM–MITI yang lebih erat dan berimpak, dengan UUM membawa kekuatan ilmu dan penyelidikan, manakala MITI membawa perspektif dasar dan realiti industri.

Sinergi kedua-dua pihak diyakini mampu menyumbang kepada pembangunan bakat yang lebih kompeten, penyelidikan yang lebih relevan serta memperkukuh hubungan antara akademia, pembuat dasar dan industri dalam mendepani cabaran ekonomi semasa dan masa hadapan.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.